

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG
[ISKANDAR PUTERI]**

TARIKH : 4 JULAI 2019

SOALAN NO. 50

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan populasi, tahap buta huruf, kadar kelahiran, kadar kematian, kadar kematian bayi, jumlah graduan universiti mengikut tahap pencapaian pendidikan dan jumlah penjawat awam daripada suku kaum Bateq untuk setiap tahun daripada tahun 1998 hingga 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod Banci Orang Asli 2010, populasi masyarakat Orang Asli dari suku kaum Bateq adalah seramai 1,447 orang.

Tahap pencapaian pendidikan akademik suku kaum Bateq secara keseluruhan dalam tempoh tahun 1998 sehingga 2018 ialah pada tahap lemah dan buta huruf tinggi di mana tiada murid yang cemerlang di peringkat sekolah rendah dan menengah, tiada graduan universiti dan tiada yang bekerja dalam penjawat awam di dalam makluman rekod JAKOA. Manakala, berkenaan dengan rekod kadar kelahiran dan kematian, akan dimaklumkan kelak melalui pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

Untuk makluman, masyarakat Suku Bateq Orang Asli adalah masih mengekalkan cara gaya hidup tradisi semi nomad dan tahap sendiri yang sangat rendah (*inferiority complex*).